



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN
KIBAR JALUR GEMILANG 2024
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

11 OGOS 2024

KOMPLEKS UJANA KEWANGAN, LABUAN

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini untuk memeriahkan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Setinggi-tinggi penghargaan buat seluruh warga Labuan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta, pemimpin-pemimpin masyarakat, komuniti setempat khasnya Komuniti MADANI yang sentiasa bersedia dengan semangat kemerdekaan kerana dapat bersama-sama hadir bagi menjayakan majlis pada hari ini.

3. Saya yakin kehadiran anda semua merupakan satu manifestasi semangat patriotisme yang cukup menebal dalam setiap jiwa warga Labuan yang terdiri daripada kepelbagaian latar kaum serta budaya.
4. Bulan Kebangsaan ini adalah peluang untuk kita semua menghidupkan semula semangat patriotisme dan mengukuhkan tekad kita dalam mempertahankan kemerdekaan negara. Saya ingin mengajak semua untuk menghayati hari kebangsaan ini dalam setiap detik kita sebagai seorang rakyat Malaysia.

PENGUKUHAN EKONOMI MENJADI KESTABILAN NEGARA MALAYSIA

Para hadirin sekalian,

5. Negara kita, Malaysia, telah teguh berdiri sebagai sebuah negara berdaulat selama 67 tahun lamanya. Kejayaan demi kejayaan telah kita kecapai sejak tahun 1957 hingga kini.
6. Dari segi ekonomi, Alhamdulillah, indikator-indikatornya telah menunjukkan tren mengukuh hasil ketekunan Kerajaan MADANI pada hari ini di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebagai contoh, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Benar atau *Real GDP* Malaysia telah pun mencatatkan unjuran sebanyak 5.8% pada suku kedua tahun ini, membaik berbanding suku kedua tahun lalu yang hanya mencatatkan angka pertumbuhan 2.8%.

7. Selain itu, kadar inflasi telah mencatatkan pertumbuhan memberansangkan dengan hanya pada tahap 1.8% berbanding 3.2% dalam tempoh yang sama tahun lalu. Kadar pengangguran, turun dari 3.5% ke 3.3% pada suku pertama tahun ini, juga mencatatkan tren yang membaik. Alhamdulillah.
8. Kejayaan demi kejayaan yang dikecapi ini pastinya memberi kesempatan untuk kita terus berdiri teguh sebagai sebuah negara yang kuat di persada dunia.

MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA MANIFESTASI KESATUAN RAKYAT YANG KUKUH, HARMONI DAN PROGRESIF

Para hadirin sekalian,

9. Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini adalah Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka. Saya ingin mentakrifkan tema ini agar semua daripada kita mempunyai pemahaman yang sama, di mana Malaysia MADANI membawa maksud tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui dukungan enam nilai teras utama.
10. Manakala perkataan Jiwa Merdeka pula menzahirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi, seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif.

11. Gabungan dua terma ini menyerlahkan cita-cita untuk membina sebuah Malaysia yang berdaya maju, adil dan sejahtera di samping mengekalkan nilai-nilai asas kemerdekaan dan kebebasan. Ini juga menggariskan komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan perpaduan nasional di antara pelbagai lapisan masyarakat, etnik dan agama dalam mencapai pembangunan dan kemakmuran yang berkekalan.
12. Tidak dinafikan, setiap kali kita adakan program atau aktiviti berkaitan Hari Kebangsaan, kehadiran dan sambutan masyarakat cukup menggalakkan. Namun, ini tidak bermakna bahawa kita boleh terus berada dalam zon yang selesa.
13. Atas dasar tersebut, Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan konsep 'Jiwa Merdeka', kerana jika jiwa dan semangat kita sebagai rakyat Malaysia tidak selalu digilap, lama kelamaan ianya akan pudar.
14. Menjadi tanggungjawab kita semua untuk terus mengingatkan masyarakat khususnya generasi muda bahawa nikmat kita hidup dalam keadaan yang serba aman dan selesa ini adalah hasil jerih perih pemimpin-pemimpin terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air kita ini. Justeru, mari kita hayati sebenar-benarnya erti kebebasan dan kemerdekaan yang kita kecapi sehingga sekarang ini.

KEMPEN 1 RUMAH 1 JALUR GEMILANG

Para hadirin sekalian,

15. Tidak lengkap sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang kita raikan saban tahun tanpa kibaran Jalur Gemilang. Bendera keramat ini pernah dipacakkan di puncak tertinggi bumi dan juga pernah melayari samudera mengelilingi dunia.
16. Saya percaya usaha untuk mengibarkan Jalur Gemilang ini perlu bermula dari rumah. Sehubungan itu, saya ingin mengajak semua penduduk di Labuan untuk menyokong inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang yang bertepatan menterjemahkan semangat patriotisme dan rasa bangga kita menjadi anak Malaysia.
17. Labuan, sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, mempunyai peranan yang penting dalam menyemarakkan semangat kebangsaan. Marilah kita menjadikan Labuan sebagai contoh teladan dalam menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi.
18. Saya percaya, tradisi mengibarkan Jalur Gemilang ini perlu diteruskan dan diwarisi oleh generasi seterusnya kerana ia adalah simbol kekuatan dan perpaduan rakyat Malaysia yang perlu kita pelihara sebaiknya.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

19. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak terkhusus buat semua ahli Jawatankuasa Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 Wilayah Persekutuan Labuan, agensi-agensi kerajaan dan swasta, Komuniti MADANI, pemimpin-pemimpin masyarakat dan semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan majlis pada hari ini.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.